



*Walaupun usia Ustaz Sonhadji sudah melebihi 80 tahun, tutur katanya masih fasih, pemikirannya tetap tajam dan daya ingatannya sentiasa segar. Beliau sentiasa mengikuti perkembangan semasa agar ilmunya dapat dimanfaatkan oleh sesiapa yang merujuk kepadanya*

# Ustaz Sonhadji Berdakwah Melalui Mata Pena

**B**ERMULA dari satu siri kuliah tafsir al-Quran di radio, kemudian kuliah tafsir itu diolah menjadi sebuah kumpulan kitab-kitab tafsir al-Quran 30 jilid yang dinamakan *Abrul Athir*. Kitab tafsir al-Quran *Abrul Athir* itu kini menjadi rujukan dan buku teks di majlis pengajian tafsir di Malaysia, Singapura dan Brunei. Kitab ini merupakan satu-satunya kitab tafsir yang lengkap dan mudah difahami yang ditulis



Salah satu koleksi kitabnya.

dalam bahasa Melayu.

Tokoh besar yang menghasilkan kitab tafsir Abrul Athir ini ialah Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad. Beliau dikenali sebagai seorang ulama dan ahli tafsir al-Quran yang tersohor di rantau ini. Malah, beliau adalah segelintir ahli agama yang menggunakan ketajaman mata pena untuk menyampaikan dakwah.

Kitab Mari Sembahyang yang digunakan secara meluas di majlis pengajian asas sembahyang merupakan satu contoh sumbangan yang sangat bermakna dari Ustaz Ahmad Sonhadji kepada masyarakatnya.

Dari mengarang kitab-kitab peringkat asas hinggalah ke kitab tafsir yang mengupas ilmu-ilmu al-Quran yang mendalam, Ustaz Ahmad Sonhadji masih terus menulis dan berdakwah melalui kitab-kitabnya.

## Manusia Biasa

PADA bulan Ogos 2004 yang lalu, genaplah usia Ustaz Ahmad Sonhadji, atau lebih mesra dikenali sebagai Ustaz Sonhadji, menjangkau 82 tahun. Sempena usianya yang ke-82 tahun, beliau telah menerbitkan sebuah lagi buku bertajuk 'Tazkirah Untuk Orang Mengaji: Karya Sonhadji'. Buku itu adalah kumpulan catatan beliau tentang kehidupan dari sudut pandangan Islam sedikit demi sedikit sejak bertahun-tahun lamanya.

Jiwa pendidik beliau tetap mekar mengatasi tubuh dan usianya yang semakin meningkat. Beliau masih mengadakan kelas pengajian, aktif di masjid, menghadiri majlis agama dan sering diminta nasihat dan menjadi tempat rujuk bagi pelbagai kemusykilan agama Islam.

Jika anda bertanya kepada Ustaz Sonhadji dari manakah beliau mendapat semangat dan tenaga untuk terus memberi sumbangan dalam bidang dakwah dan pendidikan, beliau akan menjawab dengan

rendah hati, "Saya ini kan manusia biasa."

Namun, di sebalik beliau sebagai 'manusia biasa', tersirat suatu keberkatan yang 'memimpin' dirinya sejak zaman kanak-kanak sehinggalah meningkat dewasa.

Ustaz Sonhadji dilahirkan di Solo, Jawa Tengah di dalam sebuah keluarga yang susur galurnya berasal dari keluarga kiai dan pembesar negara. Di antaranya ada yang menjadi ulama hafiz al-Quran, guru kepada Sultan Solo ke-4, pendiri



Ustaz Sonhadji menunjukkan koleksi kitab-kitabnya.

madrasah dan pejuang bangsa.

Bapanya bernama Mohamad Milatu Bin Haji Haromain Bin Haji Othman Bin Hasan Muharrar sementara ibunya bernama Raden Ummi Salamah Binti Haji Anwar Bin Wiryodikromo.

Nama Sonhadji juga ada keistimewaan-nya. Ia diambil sempena dengan nama seorang pengarang kitab iaitu Syeikh Sonhadji. Beliau mengarang kitab nahu bahasa Arab yang bertajuk Matan Ajrumiyah. Dan nama Sonhadji juga dikatakan nama sebuah kerajaan Islam di Afrika pada masa lampau.

&gt;&gt;

>> Sewal umur 5 tahun, Ustaz Sonhadji sudah dibawa merantau oleh bapanya. Mereka berhijrah ke Singapura pada tahun 1927 dan langsung menetap di kawasan Jalan Sultan. Kemudian mereka berhijrah ke Rengat, Riau Sumatera buat sementara waktu. Di sanalah beliau mendapat asuhan pendidikan agama awal kerana bapanya juga ialah seorang guru agama di Rengat. Pada usia 14 tahun, Ustaz Sonhadji kembali semula ke Singapura dan menuntut di Madrasah Aljunied dari kelas Tahdiri hingga ke kelas Tahun Enam.

Pengajiannya di Madrasah Aljunied berjalan dengan sempurna sehinggalah, tanpa diduga, Singapura dijajah tentera Jepun. Oleh kerana keadaan di Singapura menjadi tidak menentu semasa peringkat awal penjajahan Jepun, beliau tidak dapat menyambung pengajiannya. Lalu, beliau kembali ke Rengat buat sementara waktu.

Setelah berada di Rengat, Ustaz Sonhadji tidak hanya mendiamkan diri. Beliau mengambil peluang untuk menyebarkan ilmu dengan membuka sebuah madrasah di sana bersama seorang guru yang dikenalnya. Madrasah di Rengat itu dinamakan Perguruan Agama Islam Rengat.

Walaupun sibuk menguruskan madrasah barunya di Rengat, Ustaz Sonhadji masih tetap tidak melupakan pengajiannya yang tertangguh di Madrasah Aljunied kerana perang. Beliau kembali semula ke Singapura dan akhirnya berjaya menamatkan pengajian Tahun Enamnya pada tahun 1944.

### Mula Menabur Bakti

SETELAH tamat pengajian, Ustaz Sonhadji menjadi guru pelatih di Madrasah Aljunied selama setahun dan terus menjadi guru penuh. Pada tahun 1945, beliau dipelawa untuk memulakan pengajian agama di Persatuan Bustanul

Ariffin di kawasan Coronation Road. Walaupun hasrat awalnya adalah untuk membuka kelas pengajian di rumahnya sendiri, namun beliau mendahulukan permintaan Persatuan Bustanul Ariffin untuk membuka kelas pengajian di rumah persatuan itu.

Dengan takdir Allah, khidmatnya di Bustanul Ariffin tidak berpanjangan. Lantas beliau menuruti rancangan awalnya untuk membuka pengajian agama di rumahnya sendiri di kawasan Coronation Road juga. Murid yang datang belajar di rumahnya sahaja melebihi 100 orang. Kelas pengajian di rumahnya itu berjalan selama tujuh tahun.

Pada tahun 1956, beliau bersama teman-teman seperjuangannya menubuhkan Persatuan Guru-Guru Agama Singapura (PERGAS), sebuah persatuan guru agama Islam di Singapura.

Ustaz Sonhadji juga pernah menabur bakti di Brunei iaitu di Sekolah Menengah Arab Hassanul Bolkiaah. Beliau menyandang jawatan Ketua Guru di sekolah itu dari tahun 1966 hingga 1970.

Sekembalinya ke Singapura dari bertugas di Brunei, Ustaz Sonhadji dilantik menjadi Pengetua Madrasah Aljunied dari tahun 1973 hingga 1980. Beliau juga berkhidmat sebagai Imam di Masjid Muhajirin, di kawasan Bradell sejak tahun 1980.

Khidmat masyarakatnya tidak berhenti di situ sahaja. Beliau terus menabur bakti, menyebarkan ilmu, mendidik dan membimbing masyarakatnya tanpa kenal penat dan menagih imbalan material.

Sejajar dengan tarafnya sebagai seorang ulama yang arif dan dihormati, beliau dilantik menjawat beberapa jawatan penting. Di antaranya:

- a. Anggota Tertinggi Majlis Ugama Islam Singapura (1980-1992)
- b. Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama



Walaupun usia meningkat, semangatnya untuk berdakwah tidak pernah luntur.

Islam Singapura (1974-1992)

c. Lembaga Rayuan Majlis Ugama Islam Singapura (1974-1986 dan 1990)

d. Jawatankuasa Penasihat Islam, Kementerian Hal Ehwal Masyarakat (1960-1962)

e. Jawatankuasa Pelajaran Agama Islam, Kementerian Pelajaran (1958-1960)

Jasanya terhadap masyarakat tetap tidak dilupakan, malah diberi penghormatan. Pada tahun 1988, Ustaz Sonhadji dianugerahkan Pingat Bakti Masyarakat. Dan pada tahun 1992, Majlis Ugama Islam Singapura menganugerahkan Ustaz Sonhadji dengan Anugerah Jasa Cemerlang.

### Berdakwah Dengan Mata Pena

USTAZ Sonhadji berdakwah dan mendidik dengan pelbagai cara. Bukan sahaja melalui kelas-kelas agama dan syarahan, beliau juga arif menyampaikan dakwah melalui mata pena.

Memang sudah menjadi budaya para

ulama zaman silam yang berdakwah melalui penulisan hingga terbitnya kitab-kitab agung yang masih dibaca hingga kini. Ustaz Sonhadji mewarisi budaya penulisan seperti itu. Sudah tentu anda pernah membaca kitab-kitabnya seperti:

- a. Mari Sembahyang Lelaki/Perempuan
- b. Pelajaran Sembahyang
- c. Pelajaran Sembahyang Berjemaah
- d. Benih Agama I, II, III, IV
- e. Pendidikan Budi Pekerti I, II
- f. Panduan Memahami Tafsir Al Quran I, II
- g. Pengetahuan Agama Islam (Bahagian Tauhid, Fiqh dan Sejarah Islam yang disusun bersama pengarang lain.)

Ciri-ciri seorang pendakwah juga terserlah sejak di bangku sekolah lagi. Selain dari cemerlang dalam pelajaran, beliau juga menubuhkan kumpulan nasyid dari kalangan murid-murid madrasah, ketika usianya 14 tahun. Kumpulan nasyid ini terus berkembang sehingga Ustaz Sonhadji menjadi guru di Madrasah Aljunied. Beliau juga berkebolehan mencipta lagu-lagu nasyid. Dan sebuah nasyid yang popular hingga ke hari ini ialah nasyid bertajuk "Nahnu Syababul Islam" (Kami Pemuda-Pemuda Islam).

Walaupun begitu, satu-satunya sumbangan Ustaz Sonhadji yang amat berharga kepada masyarakat ialah melalui kumpulan kitab tafsir al-Quran yang dinamakan Abrul Athir. Kitab Abrul Athir merupakan sebuah koleksi 30 jilid kitab tafsir al-Quran yang diusahakan oleh Ustaz Sonhadji selama 25 tahun.

Ustaz Sonhadji mula menulis tafsir Al Quran ini pada tahun 1959. Teks asal tafsir al-Quran ini ialah dalam format skrip radio untuk memenuhi sebuah rancangan agama di Radio Singapura pada

>> masa itu. Ustaz Sonhadji diberi peluang menyampaikan ceramah tafsir al-Quran di Radio Singapura bermula dari 19 Februari 1959 pada setiap malam Jumaat. Ternyata beliau tidak mensia-siakan peluang untuk menyampaikan ilmu di gelanggang yang lebih luas lagi. Melalui radio, dakwahnya dapat didengari di mana dan oleh sesiapa sahaja.

Oleh kerana bermulanya penulisan kitab tafsir al-Quran ini untuk sebuah rancangan radio, maka beliau menamakan kitab ini sebagai *Abrul Athir* yang bermaksud 'merentasi gelombang udara'.

Tahun demi tahun berlalu, Ustaz Sonhadji tetap cekal hati menulis dan menyampaikan kuliah tafsir melalui radio. Walaupun beliau tidak dapat melengkapkan kuliahnya di radio sehingga 30 juzuk, beliau masih terus menulis kitab tafsir ini tanpa bertangguh-tangguh. Sama ada di rumah, di pejabat, dalam pesawat, semasa bertugas di Brunei atau di mana sahaja, beliau terus berusaha menyiapkan karangan agungnya itu. Beliau memperuntukkan masa sekurang-kurangnya 3 hari penuh setiap minggu untuk mengkaji, menelaah, mengupas dan menulis kitab tafsirnya itu.

Akhirnya, 25 tahun kemudian, iaitu pada tarikh 26 April 1984, lengkaplah sebuah naskhah tafsir al-Quran yang sangat tinggi nilai ilmunya. Kemudian, proses menerbitkan kitab tafsir dilakukan secara bertahap-tahap, bermula dari penerbitan jilid pertama pada tahun 1960 hingga lengkap 30 jilid pada tahun 1988.

Salah satu keistimewaan kitab tafsir *Abrul Athir* ialah bahasa asalnya ditulis dalam bahasa Melayu dan ia menggunakan bahasa penulisan yang mudah difahami. Hal ini menurut Ustaz Sonhadji ialah supaya semua peringkat masyarakat dapat manfaat dari tulisannya. Beliau berjaya mengupas ilmu tafsir al-Quran yang mendalam hingga menjadi satu subjek



Tahun demi tahun berlalu, Ustaz Sonhadji tetap cekal hati menulis dan menyampaikan kuliah tafsir melalui radio.

yang jelas difahami oleh semua peringkat pembaca.

Dalam kata aluan untuk kitab tafsir *Abrul Athir* yang ditulis oleh Pendeta Zaaba (Hj Zainal Abidin Bin Ahmad) pada tahun 1960, Zaaba menulis, "...tentulah suatu hal yang boleh dibanggakan kerana dalam bahasa Melayu pada masa ini belum ada tafsir Quran yang cukup luas sampai 30 jilid seperti yang ada dalam bahasa Arab dan lainnya."

Begitulah besarnya sumbangan Ustaz Sonhadji kepada masyarakat. Kitab tafsir *Abrul Athir* bukan sahaja telah memartabatkan ilmu al-Quran bahkan ia menambatkan lagi khazanah ilmu Islam di dalam masyarakat.

### Mengulas Isu Semasa

BIARPUN usia Ustaz Sonhadji sudah melebihi 80 tahun, tutur katanya masih fasih, pemikirannya tetap tajam dan daya ingatannya sentiasa segar. Beliau sentiasa mengikuti perkembangan semasa agar

ilmunya dapat dimanfaatkan oleh sesiapa yang merujuk kepadanya.

Sehubungan dengan ini, Ustaz Sonhadji mempunyai ulasanya yang tersendiri, mengikut tafsiran ayat-ayat al-Quran, tentang fenomena pengganasan yang sedang menimbulkan cabaran bagi umat Islam kini.

Ustaz Sonhadji mengulas tentang kegiatan pengganasan, "Mereka kurang berpengalaman dalam bidang agama. Dan mereka tertarik dengan satu kegiatan pengganasan. Tetapi mereka ambil jalan mudah dalam berjihad. Mereka gunakan (maksud jihad) yang akhir iaitu peperangan. Sedangkan jihad itu banyak - jihad dengan hati, dengan anggota, dengan fikiran, harta dan akhir sekali dengan nyawa."

Dalam pada itu, beliau menganalisis bahawa pengganasan berlaku disebabkan timbulnya rasa tidak puas hati dan mahu membalas dendam ke atas orang yang menindas umat Islam.

Beliau berpendapat, "Terorisme adalah hasil dari jihad. Dan (segolongan) orang Islam berasa tertindas dan hendak membalas dendam."

Namun, Ustaz Sonhadji menegaskan bahawa di dalam Al Quran sudah ada panduan bagaimana untuk orang Islam menangani cabaran dan bagaimana pula tindak balas yang sepatutnya dilakukan oleh orang Islam jika dicabar.

Menurut Ustaz Sonhadji, di dalam Surah As Syuraa, Allah berfirman, "Dan balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dan barang siapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim." (As Syuura:40)

Melalui ayat itu, jelaslah bahawa

walaupun kita boleh membalas kejahatan orang terhadap kita, tetapi Allah melarang tindakan balas itu melampaui kadar kejahatan yang ditimpakan terhadap kita.

Tetapi yang lebih utama ialah kita memaafkan kejahatan orang lain, malah sanggup berbuat baik kepadanya. Dan pahala berbuat demikian akan ditanggung oleh Allah.

Begitulah Ustaz Sonhadji menerangkan betapa indahnya panduan yang Allah berikan untuk umat Islam dalam berhadapan dengan cabaran. Bukan sahaja dianjurkan supaya jangan membalas dendam tetapi memaafkan, malah, yang lebih utama ialah untuk kita berbuat baik terhadap orang yang membuat kejahatan kepada kita.

Melalui kisah yang dipaparkan, jelaslah jasa dan bakti Ustaz Sonhadji kepada masyarakatnya bukan sesuatu yang dilakukannya dengan sambil lewa. Ia juga bukan boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja tanpa memiliki tingkat keyakinan dan iman yang atasan serta kadar daya juang yang optimum.

Sepanjang hayatnya, beliau penuhi dengan usaha dakwah dan mendidik anak bangsanya agar terpelihara dari kelalaian dunia dan terus menghidupkan risalah Rasulullah di akhir zaman ini, tanpa mendarab untung ruginya.

Walaupun di sepanjang perjalanan dakwahnya ada kalanya beliau dipergunakan, diperleceh atau berurusan dengan pihak yang tidak jujur, Ustaz Sonhadji tetap seperti biasa dan meneruskan perjuangan yang diyakininya.

Inilah anugerah Allah kepada beliau berkat memegang kepada pesan ibunya yang sering dilafazkan kepada Ustaz Sonhadji semasa kecil. Ibunya berpesan, "Jangan engkau jadi kaya, jadilah orang mulia." Justeru kini, beliau mulia kerana memuliakan al-Quran. S